

DIAMPUNI OLEH TUHAN

GOSPEL **316**

“Diberkatilah orang yang diampuni kemungkarannya, dan yang dihapuskan dosa-dosanya.” Mazmur 32:1

Kesalahan yang kita lakukan (dalam Alkitab disebut dosa) memisahkan kita daripada Tuhan. Kita perlu mendapat pengampunan daripada Tuhan agar kita dapat menjadi benar dengan Tuhan... agar kita siap untuk kehidupan kekal. Pengampunan Alkitabiah bukanlah bermaksud Tuhan mengatakan bahawa Dia akan mengabaikan dosa-dosa itu dan menghapuskan hukuman kekal atas dosa-dosa itu. Tidak, hukuman itu harus dibayar. Berita baiknya (Injil) adalah bahawa Yesus [Tuhan yang berupa manusia yang tidak berdosa] telah membayar hukuman itu terlebih dahulu untuk kita dengan darah-Nya saat Dia mati di kayu salib. Dengan kata lain, Dia telah menggantikan kamu. Yesus menjadi pengganti pengorbanan kamu. Tetapi, itu tidaklah cukup. Pembayaran tersebut harus diletakkan kepada kamu... dimasukkan ke akaun kamu. Pertanyaan pentingnya adalah, Bagaimanakah perkara itu terjadi? Itu terjadi ketika kamu bertaubat (berbalik kepada Tuhan daripada dosa-dosa kamu) dan percaya kepada Yesus. Dan kemudian, dan hanya pada saat itu, kamu diampuni oleh Tuhan.

MASALAH KITA... DIPISAHKAN

“Kerana semua manusia telah berdosa dan tidak dapat mencapai kemuliaan Allah.” Roma 3:23

“Tetapi kesalahanmu telah menjadi pemisah antara kamu dengan Allahmu, dan dosa-dosamu membuat Dia menyembunyikan diri daripadamu...” Yesaya 59:2

“Dia mengenakan hukuman kepada mereka yang tidak mengenal Allah, dan mereka yang tidak taat akan Injil Tuhan kita Yesus Kristus. Mereka akan dihukum dengan kebinasaan selama-lamanya, tersingkir dari hadirat Tuhan kita dan kemuliaan kuasa-Nya.” 2 Tesalonika 1:8-9

“Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.” Roma 6:23

“Lihatlah, tepat pada masanya, ketika kita masih tidak berdaya, Kristus telah mati untuk orang yang fasiq.” Roma 5:6

PENYELESAIAN TUHAN... PENGGANTIAN

“Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.” Yohanes 3:16

“Demikianlah kasih: bukannya kita mengasihi Allah tetapi Allah mengasihi kita lalu menghantar Anak-Nya sebagai korban pendamaian [pengorbanan yang memuaskan] bagi dosa kita.” 1 Yohanes 4:10

“Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, Kristus telah mati untuk kita.” Roma 5:8

“Dia menanggung dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk perbenaran.” 1 Petrus 2:24

“Namun demikian, Dia memberikan hak menjadi anak Allah kepada mereka yang menerima-Nya [Yesus], dan percaya dalam nama-Nya.” Yohanes 1:12



JALAN ANDA MENUJU PENGAMPUNAN... PERCAYA KEPADA YESUS

“Semua nabi bersaksi tentang-Nya [Yesus] bahawa setiap orang yang percaya kepada Yesus akan diampuni dosanya dengan nama-Nya,” Kisah Para Rasul 10:43. “Kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya melalui iman — ini bukan daripada kamu sendiri tetapi adalah kurnia Allah — bukan kerana usaha amalmu supaya tiada seorang pun yang dapat bermegah,” Efesus 2:8-9. Kamu boleh percaya kepada (bukan hanya percaya tentang) Yesus dengan bertaubat... iaitu dengan kembali kepada Yesus. Doa ini adalah salah satu cara bagi kamu untuk melakukannya. Ini bukan sumpah atau jampi. Ungkapkanlah ia jika itu benar-benar kerinduan hati kamu.

**Ya Tuhan,
Saya mengakui keperluan saya... Saya adalah orang berdosa.
Saya bertaubat... Saya berpaling daripada dosa saya.
Saya percaya kepada Yesus... sebagai Tuhan,
Dia telah mati di kayu salib untuk saya.
Saya menjemput Dia untuk menjadi Juruselamat saya.
Amin**

Yesus telah membayar hukuman bagi dosa-dosa kamu. Dengan mempercayai Yesus, bayaran-Nya telah menjadi bayaran kamu. Kamu telah diampuni oleh Tuhan. Dan Yesus berkata bahawa kamu telah diselamatkan bagi kehidupan yang kekal, Yohanes 3:16.

“Diberkatilah orang yang diampuni kemungkarannya, dan yang dihapuskan dosa-dosanya.” Mazmur 32:1

Jika kamu telah mengucapkan doa tersebut dengan tulus, kamu diampuni oleh Tuhan dan kamu akan bersama-sama-Nya secara kekal. Kematian Yesus yang penuh pengorbanan telah memberi pengampunan kepada kamu. Tuhan telah berjanji bahawa kamu sekarang memiliki hidup yang kekal sebagai milik kamu saat ini... bahawa kamu tidak akan dihakimi... dan bahawa kamu telah pindah dari alam maut ke dalam hidup, Yohanes 5:24. Kamu selamat kerana tidak ada seorang pun yang dapat merampas kamu dari tangan-Nya yang maha kuasa. Dia yang memegang kamu dan bukan kamu yang memegang-Nya. Yesus berkata *"Aku memberi mereka hidup yang kekal. Mereka tidak akan binasa. Tiada siapa dapat merampas mereka daripada tangan-Ku. Bapa-Ku yang mengurniakan mereka kepada-Ku lebih besar daripada siapa pun. Tiada siapa dapat merampas mereka daripada Bapa,"* Yohanes 10:28-29.

Jika kamu belum bersedia mengungkapkan doa itu, jadikan itu sebagai keutamaan kamu. Keputusan kamu sangat penting dan mempunyai nilai dan impikasi yang kekal. Tidak ada kesempatan kedua setelah kematian, *"Sebagaimana manusia ditentukan mati sekali, dan selepas itu dihakamkan,"* Ibrani 9:27. Jika kamu ada persoalan yang belum dijawab yang menghalang keputusan kamu, bertanyalah kepada orang yang memberikan ini kepada kamu.

Ilustrasi dan Definisi

Pengampunan.

Pengampunan. Pengampunan Alkitabiah memerlukan pembayaran hukuman atas dosa kita. Hukuman atas dosa adalah pemisahan yang kekal daripada Tuhan. Pengampunan Alkitabiah adalah pemindahan dosa kamu dan hukumannya daripada kamu kepada Yesus. Tuhan memberikan dosa kita dan hukumannya kepada Yesus yang tidak berdosa. Kemudian, Tuhan memberikan kebenaran-Nya kepada kita. Ia seakan-akan ada dua kitab di Syurga. Pertama, buku catatan kamu. Ia memiliki tanda di dalamnya bagi setiap kesalahan yang pernah kamu lakukan. Lembaran-lembarannya penuh dengan tanda. Alkitab dengan jelas menyatakan bahawa beberapa hal yang kita lakukan adalah dosa (dosa yang kita lakukan) dan beberapa hal yang tidak kita lakukan adalah dosa (dosa kelalaian). Bahkan, sesetengah pemikiran pun boleh menjadi dosa. Tiga dosa dalam satu hari sama dengan 1000 dosa setiap tahun. Seumur hidup, begitu banyak dosa. Buku yang satu lagi adalah buku catatan Yesus yang tidak berdosa. Halaman-halamannya bersih dan tidak bernoda. Ketika kamu percaya kepada Yesus, ia seolah-olah kulit kedua-dua buku itu ditukar. Kemudian, buku catatan dengan nama kamu di atasnya jadi benar-benar bersih. Dosa kamu dan hukumannya hilang.

Penyelesaian yang nyata.

Yesus berkata, *"Yesus menjawab, Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melalui-Ku,"* Yohanes 14:6. Penyelesaian Alkitab bagi pemisahan kita daripada Tuhan disebabkan dosa sangatlah unik. Agama lain memerlukan kita untuk menghadapi kehidupan kekal dengan dosa-dosa kita dengan harapan bahawa apapun tuhan yang ada di sana akan mengampuni dosa kita. Cara Yesus unik iaitu mengampuni dosa-dosa kita... membasuh kita sampai bersih. Kemudian, kita menghadap Tuhan dan kehidupan kekal dengan dosa-dosa kita yang telah dihapuskan sebab ia telah dipindahkan kepada Yesus. Rasul Paulus berkata, *"Tiadalah penyelamatan melalui sesiapa yang lain, kerana tiada nama lain di bawah langit ini diberikan dalam kalangan manusia, yang dapat menyelamatkan kita,"* Kisah Para Rasul 4:12. Rasul Paulus menulis, *"Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia, dan hal ini akan dipersaksikan pada masanya,"* 1 Timotius 2:5-6. Jalan Yesus adalah penyelesaian yang nyata.

Percaya kepada Yesus.

Percaya kepada Yesus adalah lebih daripada *percaya tentang* Yesus. Bayangkan yang kamu adalah seorang penumpang pesawat yang terbang tinggi di atas gunung dan secara tiba-tiba, enjin pesawat itu mulai bergetar dan mati. Pesawat itu sedang menjunam ke tanah. Juruterbang mengarahkan semua orang untuk memasang payung terjun dan keluar dari pesawat melalui pintu yang terbuka. Kamu sudah tahu tentang payung terjun. Kamu pernah melihatnya di TV. Tetapi, sekarang, ia berbeza. Melangkah keluar dari pintu pesawat yang terbuka memerlukan lebih daripada *kepercayaan tentang* payung terjun... ia memerlukan *kepercayaan kepada* payung terjun. Beg galas pengembara tidak akan berfungsi. Keselamatan kamu memerlukan payung terjun yang tepat... melangkah keluar tanpa payung terjun membawa kepada kematian yang pasti. Melangkah keluar dengan payung terjun adalah komitmen 100% iman. Kamu mungkin memiliki beberapa keraguan... tetapi, untuk selamat, kamu harus percaya penuh kepada payung terjun. Yesuslah satu-satunya payung terjun yang sejati. Melangkahlah di dalam iman. Percayalah kepada-Nya!

Panduan pencetakan. Dicadangkan untuk mencetak dua halaman pada satu mukasurat. Cetak dalam warna atau hitam-putih.

Diampuni Oleh Tuhan © 2024 diterbitkan oleh Acts One Eight dan ia dari www.Gospel316.org. Kamu boleh mencetak, menyalin, mengirim, atau menyampaikan pesan tanpa perubahan secara bebas dengan menyertakan pernyataan lengkap ini. Namun, kamu boleh menambahkan nama atau logo pelayanan atau gereja kamu. Acts One Eight hanya berlandaskan kepada Alkitab. Ia wujud bagi membantu orang untuk beriman kepada Yesus Kristus, kemudian bertumbuh menjadi murid-murid-Nya. Terjemahan bagi versi bukan bahasa Inggeris disediakan oleh www.ChristianLingua.com. Petikan asli Alkitab dalam versi bahasa Inggeris adalah dari New American Standard Bible (NASB). Petikan Alkitab dalam versi ini adalah dari Alkitab Versi Borneo (AVB).

